

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED
FADZIL (LEMBAH PANTAI)
TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil (Lembah Pantai) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesediaan Kerajaan memperkenalkan reformasi Parlimen, termasuk memastikan peruntukan tahunan Ahli-Ahli Parlimen disalurkan serta diaudit oleh Parlimen.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan pemeeteraian Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik (MoU) yang telah ditandatangani pada 13 September 2021 di antara Kerajaan Persekutuan dan Pakatan Harapan, Kerajaan komited untuk memperkenalkan reformasi atau pembaharuan Parlimen (*Parliamentary Reform*). Seperti mana dinyatakan di **Lampiran MoU** tersebut di **Perkara 3, Klausula 3.1 hingga Klausula 3.6**, Kerajaan akan melaksanakan dalam masa terdekat tidak lewat dari Mesyuarat Kedua Penggal Ke-5 Parlimen (tahun 2022).

Sekian, terima kasih.